

Program TVET distruktur semula elak pembaziran

Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mahu Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) distruktur semula supaya kursus yang dilaksanakan itu lebih bertfokus, sekali gus mengelak pembaziran wang kerajaan.

Menternya, Hannah Yeoh, berkata disebabkan program TVET itu dilaksanakan oleh pelbagai kementerian, ia memberi kekeliruan kepada pemain industri selain kebanyakan kursus ditawarkan tidak lagi relevan dengan minat anak muda kini.

“Setiap kementerian mempunyai program masing-masing dan bila mereka tamat latihan, ia memberikan kekeliruan kepada pemain industri kerana tidak dapat membezakan siapa yang terlebih dahulu tamat latihan serta pemberian gaji kepada individu berkenaan.

“Oleh itu, KBS akan bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk menstruktur semula TVET dan tidak perlu semua kementerian membuat program masing-masing kerana ia akan menjadikan program ini tidak terurus, tidak bertfokus serta banyak pembaziran.

“Contohnya, satu kementerian memerlukan RM50 juta untuk menaik taraf program, namun pengamblian pelajarannya tidak maksimum dan dari segi itu terdapat juga pembaziran pada isu tenaga kerja,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media selepas merasmikan Majlis Perundingan Belia Negara Sidang Kedua, penggal ke-33 bagi sesi 2021-2022, di Pusat Belia Antarabangsa, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abd Halim.

Mengulas lanjut, Hannah yang juga Ahli Parlimen Segambut berkata, kursus yang ditawarkan dalam program itu juga berkemungkinan tidak lagi relevan dengan jiwa anak muda yang mahu masa kerja lebih fleksibel atau meminati ekonomi gig.

“Dengan adanya ekonomi gig, belia kini lebih pentingkan masa kerja yang fleksibel dan memberi pandangan berbeza kepada mereka untuk melihat program TVET ini.

“Kalau tanya anak-anak sekarang, ramal daripada mereka kini lebih minat menjadi *youtuber* mahupun pengengaruh (*influencer*), jadi kalau kita masih ditawarkan kursus yang tidak menarik perhatian golongan muda ini, kita tidak dapat penyertaan yang menyeluruh daripada golongan ini,” katanya.